

Headline	Hapuskan era monopoli dan manipulasi harga		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	13	ArticleSize	669 cm ²
AdValue	RM 13,344	PR Value	RM 40,032



Hapuskan era monopoli dan manipulasi harga

SEJAK akhir-akhir ini, segelintir rakyat Malaysia ke hadapan dalam hal mempertahankan dan mendapatkan hak.

Misalnya, hak sama rata untuk semua agama dan hak individu dibawa sampai ke peringkat antarabangsa, kononnya dasar dan polisi kerajaan sedia ada tidak betul.

Yang menghairankan, golongan ini tidak pula mempertahankan hak rakyat Malaysia ditahan di negara luar hanya kerana ingin mengajar anak mereka bersolat.

Apabila hak individu bercanggah dengan hak Allah SWT, maka hak Allah SWT wajib diberikan keutamaan tertinggi. Di negara Barat, undang-undangnya keterlaluan kerana terlalu mengagung-agungkan hak sama rata dan hak individu mengatasi kepatuhan manusia ke atas Allah SWT.

Golongan yang sama juga tidak pula mempertahankan hak seorang guru mualaf untuk memakai tudung. Bagi golongan yang kononnya menguar-uarkan hak asasi individu, mereka sebenarnya hanya mempertahankan kepentingan mereka sahaja dan bukannya hak manusia sebenar yang sah di sisi Allah SWT.

Begitu juga, tiada pula kedengaran golongan yang sama mempertahankan hak majoriti rakyat agar tidak dimanipulasikan oleh sikap segelintir ahli perniagaan yang tamak haloba. Yang kedengaran, apabila harga barangan naik, institusi kerajaan diserang habis-habisan.

Memang benar, terdapat kelemahan penguatkuasaan, tetapi sekiranya segelintir ahli perniagaan yang tamak haloba ini lebih berperikemanusiaan dan bertimbang rasa serta beretika, maka perkara ini tidak akan berlaku. Harga barangan dan perkhidmatan tidak akan naik begitu tinggi sekali.

Bagilah apa alasan sekalipun, yang nyata majoriti rakyat mengetahui segelintir ahli perniagaan yang tamak haloba ini sengaja menaikkan harga barangan dan perkhidmatan sesuka hati. Ini sudah menjadi rahsia terbuka.

Tujuannya, selain untuk mengaut keuntungan tinggi, mereka sebenarnya mempunyai muslihat tertentu untuk menjatuhkan imej institusi kerajaan yang berteraskan Melayu Islam ini. Mudah sahaja, naikkan harga barangan dan perkhidmatan, rakyat akan marah kepada kerajaan. Bukannya susah sangat pun.

Maka, untuk menangani isu terhangat tatkala ini, selain penguatkuasaan, dicadangkan agar kerajaan segera menghapuskan era monopoli perniagaan.

Diketahui umum, terdapat barangan keperluan seperti gula, beras dan gandum hatta ayam sekalipun dikawal oleh segelintir pi-

hak yang menguasai pasaran bekalan. Mereka ini bukan setakat menjadi pemborong bahkan juga sebagai pembekal.

Hasil monopoli itu, pihak ini mampu menetapkan harga pada satu kadar yang diinginkan oleh mereka. Apa sahaja alasan boleh digunakan seperti cuaca tidak menentu, permintaan terlalu tinggi dan mata wang kita jatuh berbanding mata wang negara yang mengeksport barangan pertanian ke negara kita.

Ada antaranya merupakan alasan yang benar-benar berlaku tetapi ada juga yang sengaja diheboh-hebohkan secara berlebihan, walhal sebenarnya kesan terhadap peningkatan harga barangan dan perkhidmatan tidaklah begitu ketara.

Sikap tamak dan pada masa sama memanipulasikan harga apabila orang kenamaan datang melawat menunjukkan mereka ini berniaga tanpa etika.

Dicadangkan agar orang kenamaan membuat lawatan secara benar-benar mengejut dan bukannya "mengejut" tetapi semua peniaga mengetahui kedatangan mereka. Begitu juga penguat kuasa, apabila datang memeriksa harga barangan biarlah tanpa dikenali oleh para peniaga, jika tidak peniaga boleh 'berlakon' di depan mereka dengan pelbagai cara.

Bagi menghapuskan era monopoli, selain undang-undang sedia ada, dicadangkan kerajaan membenarkan pembabitan koperasi secara menyeluruh dalam rantai bekalan makanan dan barangan di Malaysia.

Berikan lesen kepada koperasi yang berkenaan untuk mengimport makanan dan barangan keperluan. Di Malaysia, kita ada beribu-ribu koperasi tetapi sejak akhir-akhir ini koperasi lebih terarah dalam memberi pinjaman kepada ahli-ahlinya. Sememangnya pemberian pinjaman kepada ahli koperasi wajar diteruskan tetapi pada masa sama, sudah sampai masanya koperasi diberi ruang seluas-luasnya dalam rantai bekalan. Ini kerana koperasi mempunyai jumlah ahli yang ramai berbanding pemborong dan pembekal yang dimiliki oleh segelintir pihak.

Selain mampu menghapuskan era monopoli peniaga-peniaga yang tamak mengaut untung, koperasi juga boleh memastikan harga makanan dan barangan pada kadar berpatutan.

Pembabitan koperasi juga boleh memberi keuntungan kepada ahli-ahlinya yang rata-ratanya adalah golongan rakyat kebanyakan.

Satu cara lagi untuk menghapuskan monopoli adalah dengan mentransformasikan pertanian di Malaysia secara besar-besaran.

Headline	Hapuskan era monopoli dan manipulasi harga		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	13	ArticleSize	669 cm ²
AdValue	RM 13,344	PR Value	RM 40,032

Bayangkan harga sayur di Thailand begitu murah berbanding di Malaysia kerana negara berkenaan menguasai teknologi pertanian sehingga dapat mengeluarkan hasil tani secara besar-besaran.

Apabila hasil pertanian dapat dikeluarkan secara besar-besaran, kita tidak perlu lagi terlalu bergantung kepada import makanan. Risiko turun naik mata wang asing dapat dikurangkan pada tahap paling minimum.

Tidak salah jika Dasar Buku Hijau yang pernah dilaksanakan suatu ketika dulu diperkenalkan semula dengan memberi nafas baru berasaskan keperluan rakyat Malaysia yang jumlahnya semakin bertambah berbanding dahulu.

Terlalu bergantung kepada negara asing akan menyebabkan negara kita tidak begitu selamat sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diduga. Lebih baik sediakan paung sebelum hujan.

Dengan memberi keutamaan terhadap pertanian, bukan sahaja mampu menstabilkan harga makanan bahkan paling utama,

negara kita berada dalam keadaan bersedia pada bila-bila masa.

Justeru, sudah sampai masanya era monopoli dihapuskan kerana akhirnya monopoli akan menjadi manipulasi yang merugikan rakyat.

Peranan koperasi dan transformasi pertanian secara besar-besaran adalah penyelesaian jangka panjang dalam menangani isu kenaikan harga makanan, barangan dan perkhidmatan. Seterusnya, keluh kesah rakyat dapat ditangani dengan lebih baik.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan (SOA) dan Felo Penyelidik, Institut Keusahawanan dan Koperasi, Universiti Utara Malaysia.

● Berikan lesen kepada koperasi yang berkenaan untuk mengimport makanan dan barangan keperluan. Di Malaysia kita ada beribu-ribu koperasi tetapi sejak akhir-akhir ini koperasi lebih terarah dalam memberi pinjaman kepada ahli-ahlinya



PENGARAH Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Mohd. Roslan Mahayudin (kiri) bersama Ketua Pegawai Penguat Kuasa Selangor, Othman Nawang (kanan) membuat pemeriksaan harga barang mentah dan barang keperluan di Pasar Borong Selangor, baru-baru ini.